

16 OCT 1996

AHMAD SARJI PENGERUSI BARU PNB

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Permodalan Nasional Bhd (PNB) hari ini mengumumkan pelantikan bekas ketua setiausaha negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid sebagai pengerusi barunya berkuatkuasa esok.

Pelantikan Ahmad Sarji, timbalan pengerusi PNB, dipersetujui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi, Yayasan Pelaburan Bumiputra, iaitu syarikat induk PNB.

Kenyataan PNB juga menyebut bahawa Tun Ismail Mohamed Ali akan meneruskan perkhidmatannya sebagai Penasihat PNB dan kedudukan beliau sebagai pengerusi kepada anak-anak syarikat yang mana PNB mempunyai kepentingan adalah tidak berubah.

Tun Ismail, 78 tahun, telah dilantik sebagai pengerusi PNB pada 1978 dan akan bersara dari jawatan itu berkuatkuasa esok. Beliau juga merupakan Gabenor Bank Negara dari tahun 1962 hingga 1980.

Ahmad Sarji, 58 tahun, adalah lulusan Universiti Malaya, Institut Pengajian Kemasyarakatan, the Hague dan Harvard University, Amerika Syarikat. -- BERNAMA

MK SIA